

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Niat Keusahawanan di Kalangan Pelajar

2021

Oleh: Iklima Husna Binti Abdul Rahim

Pengangguran bukanlah masalah baharu di Malaysia. Meskipun berstatus negara membangun, kadar pengangguran di negara ini adalah sangat tinggi, khususnya dalam kalangan graduan universiti. Dalam usaha mengatasi masalah ini, institusi pendidikan tinggi telah mula menawarkan subjek pendidikan keusahawanan secara formal sebagai sebahagian daripada kurikulum kursus perniagaan serta kursus lain yang berkaitan.

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pengaruh faktor dalaman dan luaran yang berupaya menaikkan minat pelajar untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Kajian ini diyakini dapat menyumbang kepada literatur, dan memberikan sudut pandang baharu kepada pihak pemerintah, universiti, dan para pembuat keputusan dalam bidang pendidikan keusahawanan.

"Lebih banyak pendedahan terhadap bidang keusahawanan mampu menjana idea kreatif dan konsep inovatif."

Faktor-Faktor Dalaman

Aktiviti Keusahawanan

"Menyediakan lebih banyak aktiviti keusahawanan seperti bengkel di universiti."

Model Peranan

"Membawa lebih ramai usahawan ke universiti untuk berkongsi pengalaman dan ilmu perniagaan."

Sokongan Kewangan

"Memberi modal kepada pelajar untuk memulakan perniagaan."

Faktor-Faktor Luaran

Motivasi

"Pada pendapat saya, berkongsi cerita tentang kejayaan para usahawan dapat meningkatkan motivasi pelajar."

Sokongan Fasiliti

"Membenarkan pelajar untuk berniaga di dalam universiti."

Kursus Keusahawanan

"Setiap kursus keusahawanan patut lebih fokus kepada praktikal perniagaan berbanding teori dan membuat tugasan."